

Warga Afrika buat Malaysia bagai negara tiada peraturan, jalankan bisnis secara haram

Awang Hitam buka kedai makan



Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD
hafizi.ahmad@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Tidak cukup dengan pelbagai masalah melibatkan Awang Hitam di negara ini, warga asing dari Afrika itu kini berani pula merampas hak penduduk tempatan dengan menjalankan perniagaan secara haram.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati senario itu sudah mula berlaku di ibu kota terutama di kawasan Desa Aman Puri, Kepong di sini sejak setahun lalu.

Kehadiran warga Afrika itu boleh dilihat terutama sekitar pukul 5 petang sehingga awal pagi di kawasan premis perniagaan di Jalan Desa 1/2.

Menjelang pukul 8 malam, gerai tersebut mula dipenuhi pelanggan yang kebanyakannya warga Afrika sendiri.

Mengulas mengenai perkara itu, seorang penduduk yang hana mahu dikenali sebagai **Mohd. Shah** berkata, tindakan harus diambil kerana kewujudan premis berkenaan membuktikan warga asing itu tidak takut dengan pihak berkuasa.

“Pihak berkaitan seharusnya membuka mata dan sedar dengan tindakan berani warga asing yang seolah-olah mencabar kewibawaan pihak berkuasa.



PENIAGA warga Afrika sedang menyediakan makanan di gerainya di Desa Aman Puri, Kepong semalam.

“Saya percaya mereka berniaga tanpa lesen yang sah,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Menurut seorang lagi penduduk, **Abdul Syafiq Abdul Syukor**, 25, dia risau dengan lambakan warga Afrika di kawasan tersebut ketika ini.

Jika tidak dipantau, katanya, kawasan kejiranan di situ mungkin terus dipenuhi dengan pendatang asing tersebut.

“Bila semakin ramai warga Afrika di sini, pasti akan timbul banyak masalah sosial dan mempengaruhi generasi muda kita,” jelasnya sambil tidak menolak kemungkinan ada pe-

niaga tempatan menyewakan premis berkenaan kepada warga asing.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, **Rafiudin Abdul Rani**, 26, berkata, tidak salah untuk seseorang berniaga selagi mereka mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

Katanya, pihak berkuasa seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia perlu membuat paman-tauan bagi mengelakkan perkara tersebut menjadi duri dalam daging kepada penduduk di kawasan berkenaan.



SEKUMPULAN warga Afrika kelihatan berborak sesama sendiri di gerai makan di Kepong, Kuala Lumpur semalam.

KOSMO 9/6/12 NKS 3.

Jangan benarkan Awang Hitam berniaga

KUALA LUMPUR – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) digesa agar segera mengambil tindakan terhadap mana-mana warga asing yang didapati menjalankan perniagaan kedai makan di ibu kota.

Presiden Persatuan Peniaga Bumiputera Wilayah Persekutuan, Datuk Rosli Sulaiman berkata, berdasarkan undang-undang DBKL, mereka sama sekali tidak dibenarkan menjalankan apa jua bentuk perniagaan di Kuala Lumpur.

“Sehubungan itu, DBKL perlu menyita kedai berkenaan dengan kadar segera kerana perbuatan itu dengan nyata telah melanggar undang-undang.

“Bukan itu sahaja, jika didapati pemegang lesen penaja yang dikeluarkan DBKL meminjamkan ia kepada warga asing, lesen tersebut perlu dibatalkan malah pelaku berkenaan ha-

rus disenaraihitamkan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Kosmo!* bagi mengulas kegiatan warga Afrika di Desa Aman Puri, Kepong di sini yang membuka kedai makan secara haram.

Situasi tersebut menimbulkan rasa kurang senang kepada penduduk di kawasan berkenaan yang risau akan keselamatan mereka ekoran kehadiran warga Afrika yang terlalu ramai.

Sementara itu, sumber DBKL memberitahu, pihaknya akan menjalankan siasatan mengenai perkara itu kerana pemegang lesen penaja kecil tidak boleh menyewakan lesen mereka kepada warga asing sebagaimana termaktub dalam Undang-Undang Kecil Pelesenan Penaja dan Gerai (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1989.